



**MESYUARATPEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOM) KE-39
BAGI PERTEMUAN TAHUNAN TIDAK RASMI
MENTERI-MENTERI AGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
REPUBLIK INDONESIA, MALAYSIA DAN
REPUBLIK SINGAPURA (MABIMS) Ke-16
30 NOVEMBER – 4 DISEMBER 2014
DENPASAR BALI, INDONESIA**

KERTAS KERJA TEMA

***“AGAMA ADALAH BERKAH BAGI UMAT
MANUSIA”***

OLEH: MALAYSIA

AGAMA ADALAH BERKAH BAGI UMAT MANUSIA

Oleh:

MALAYSIA

PENDAHULUAN

Agama adalah keperluan hidup manusia. Melalui agama kehidupan manusia terbimbing. Mereka akan mendapat banyak kebaikan melalui agama. Islam sebagai agama yang sempurna telah terbukti mampu membawa penganutnya hidup bahagia di dunia dan akhirat. Kertas ini cuba melihat bagaimana agama iaitu Islam membawa **berkah** (kebaikan) kepada umat manusia amnya dan umat Islam khususnya.

DEFINISI

Berdasarkan tajuk terdapat dua (2) perkataan yang perlu diberikan definisi iaitu **agama** dan **Berkah**. Pentakrifan ini bertujuan supaya penulisan kertas dapat difahami dengan mudah dan seterusnya menepati tajuk. Pertama perkataan '**agama**' berasal dari perkataan **Sansekerta** yang menunjuk pada sistem kepercayaan dalam Hinduisme dan Budhisme di India.

Agama terdiri dari kata "**a**" yang berarti "**tidak**" dan "**gama**" berarti "**kacau**". Dengan demikian, *agama* adalah sejenis peraturan yang menghindarkan manusia dari kekacauan serta membawa manusia menuju keteraturan dan ketertiban. Dalam bahasa Inggeris agama disebut sebagai **religion** bererti keyakinan pada Tuhan atau kekuatan supramanusia untuk disembah sebagai pencipta dan penguasa alam semesta atau satu sistem kepercayaan dan peribadatan tertentu.

Dalam bahasa Arab ia disebut **Din** membawa erti menguasai, menundukkan, patuh, balasan, kebiasaan. Ia juga membawa maksud nama bagi peraturan-

peraturan dan hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah dengan lengkap. Bagi maksud pembentangan ini **agama adalah merujuk kepada agama Islam**. Ia itu agama yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Rasulullah Muhammad SAW. Ia hanyalah satu-satunya agama yang diredhai oleh Allah SWT seperti disebut dalam firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya agama yang diredhai Allah ialah Islam....”

(Surah: ali-'Imran :19)

Manakala **Berkah** berasal dari bahasa Arab : *barokah* (البركة) yang membawa maksud *nikmat*. Istilah lain berkah dalam bahasa Arab adalah *mubarak dan tabaruk*. Menurut istilah, *berkah (barokah)* ertinya **ziyadatul khair, yang bermaksud “bertambahnya kebaikan”**.

Para ulama juga menjelaskan makna *berkah* sebagai segala sesuatu yang banyak dan melimpah, mencakup *berkah* material dan spiritual seperti keamanan, ketenangan, kesihatan, harta, anak dan usia. Dalam al -Quran kata *berkah* hadir dengan beberapa makna antaranya: **banyak, dan bertambahnya kebaikan**. Al-Quran sendiri merupakan *berkah* bagi manusia sebagaimana firmanNya:

“Ini (al-Quran) adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu, penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai fikiran mendapatkan pelajaran.”

(Surah: Shaad: 29).

PERANAN DAN KEPENTINGAN AGAMA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Agama adalah pegangan yang harus ada dalam diri setiap manusia. Tanpa pegangan agama maka akan goyahlah kehidupan manusia. Peranan agama yang paling *dominant* adalah ia dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan manusia.

Pegangan agama juga boleh menjadi asas kepada ketamadunan dan acuan kepada latar budaya masyarakat. Agama juga dapat membentuk pandangan semesta seseorang dan sesebuah masyarakat serta perilaku dan tindakan mereka dalam kehidupan. Ini dapat dilihat dari segi pertuturan, perilaku dan gaya hidup seseorang manusia.

Selain itu agama memainkan peranan yang penting dalam membentuk pandangan dunia dalam kehidupan manusia serta mendatangkan ketengan dan keamanan di kalangan penduduk dunia sehinggakan **agama itu dijadikan sebagai sumber kekuatan dan mekanisme yang berpengaruh dalam pembentukan keselamatan serantau**. Ini dibuktikan dengan prinsip agama Islam yang bencikan peperangan. Agama Islam juga melarang umatnya untuk memulakan peperangan dan menggalakkan menyelesaikan masalah dengan aman melalui perbincangan. Agama dan tamadun merupakan perkara yang sinonim.

Tanpa agama sesuatu tamadun tidak akan membangun dengan cepat dan teratur. Ini kerana agama mampu memberikan suatu lonjakan paradigma kepada tamadun yang sedang membangun dan agama juga merupakan salah satu elemen yang menolak dan menggerakkan sesebuah tamadun dalam kehidupan. Mari kita singkap sejarah Dinasti Sung yang tidak bermoral kerana maharajanya diktator dan kejam. Dinasti ini pernah dilabelkan "zaman pencerobohan orang gasar". Akibat kerajaan maharaja yang kejam dan tidak bermoral rakyatnya memberontak di bawah pimpinan petani dan akhirnya dinasti tersebut berjaya digulingkan. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa agama memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia dan seterusnya dalam pembinaan tamadun

ISLAM SEBAGAI AD DIN

Agama Islam sama sekali tidak sama dengan agama-agama lain. Islam sebagai **Ad Din** adalah satu sistem hidup yang lengkap dan sempurna yang berpandukan ajaran al-Quran dan Sunnah. Islam sebagai *ad Din* mempunyai ciri seperti berikut;

i. **Hanya Islam agama yang diterima Allah SWT**

Hanya Islam adalah satu-satunya agama diakui Allah SWT kerana ia datang daripada Allah dan bukan dari pemikiran manusia dan berbentuk falsafah. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya agama yang benar dan diredhai Allah ialah agama Islam”.

(Surah: ali-'Imran : 19)

ii. **Islam Agama Fitrah**

Apa yang dimaksudkan dengan Islam sebagai agama fitrah itu?. Fitrah yang dimaksudkan dalam ilmu Tauhid adalah agama Allah iaitu agama yang diciptakan oleh Allah SWT untuk sekalian hambaNya supaya berada di landasan yang benar dan lurus.

Fitrah kita sebagai manusia pula sememangnya memerlukan agama sebagai panduan hidup. Agama Islam merupakan agama fitrah untuk sekalian manusia kerana ia menyelamatkan manusia dari kesesatan dalam hidup dan menyembah kepada sesama makhluk atau objek yang tidak mempunyai sebarang daya, kuasa dan upaya untuk memberi manfaat bahkan mudarat. Penyembahan yang diwajibkan dalam Islam adalah hanya kepada Allah SWT, Tuhan Sekalian Alam. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Uagama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata”.

(Surah: al-Baqarah: 208)

iii. **Manhaj Rabbani (Ketuhanan)**

Islam dibina berdasarkan **Manhaj Rabbabi (Ketuhanan)** yang berpaksikan ajaran Tauhid mengesakan Allah SWT. Islam mengajarkan umatnya supaya mereka bertuhankan hanya kepada Allah SWT. Jangan sesekali menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain daripadaNya samaada dalam bentuk penyembahan objek atau menganuti faham atau isme ciptaan manusia.

iv. **Manhajul Hayat (Satu Sistem Hidup)**

Islam juga adalah **Manhajul Hayat (Satu Sistem Hidup)**. Sebagai satu sistem hidup, Islam mengatur hidup manusia daripada perkara bersifat peribadi sehingga urusan dunia antarabangsa. Sistem hidup ini adalah berasaskan kepada ajaran Tuhan, Tuhan pencipta manusia. Dengan sifat yang demikian sistem hidup yang diaturkan oleh Islam adalah amat menepati dan sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri.

v. **Universal (Alami)**

Islam sebagai **Ad Din** juga bersifat **Universal (A'lamii)**. Islam boleh dianuti oleh semua bangsa di dunia tidak mengira bangsa, keturunan dan warna kulit. Tidak ada perbezaan antara orang Arab atau **Ajam (bangsa bukan Arab)**. Semua Muslim mendapat layanan yang sama dan hidup dalam sistem yang sama. Yang mulia dalam kalangan manusia adalah mereka yang bertaqwa.

vi. **Hubungan Dengan Allah dan Hubungan Dengan Manusia**

Islam menekankan hubungan dengan Allah (**hablum minanallah**) dan hubungan sesama manusia (**hablum minan nas**). Hubungan dengan Allah berupaya melahirkan manusia yang kuat pegangan hidupnya dengan agama.

Manakala hubungan dengan manusia akan menjalinkan kehidupan manusia lebih harmoni tanpa mengira agama dan bangsa . Tidak dapat dinafikan kedua-dua hubungan ini terbukti melahirkan sebuah masyarakat dan tamadun umat yang kuat dan unggul.

vii. **Mudah, Rasional dan Praktis**

Ajaran Islam adalah mudah difahami dan mudah diamalkan. Di sudut rasional Islam mengajarkan sesuatu yang logik dan boleh diterima oleh aqal. Begitu juga ajaran Islam adalah praktikal dan bukan berasaskan teori semata-mata. Ini terbukti amalan-amalan yang berkaitan dengan peribadatan walaupun ia kelihatan berat tapi sebenarnya mudah untuk diamalkan dan baik untuk para pengamalannya. Sebagai contoh ibadat puasa adalah baik untuk kesihatan manakala ibadah zakat dan korban baik untuk mengatur sistem masyarakat begitu juga yang lainnya.

viii. **Seimbang Duniawi dan Ukhrawi**

Islam adalah agama yang seimbang dan menitikberatkan dua dimensi kehidupan iaitu duniawi dan ukhrawi. Ini bermakna Islam mengajarkan umatnya untuk mendapat kebaikan untuk kedua-dua kehidupan iaitu **Hasanah** di dunia dan **Hasanah** di akhirat.

ISLAM MEMBAWA BERKAH

Seperti yang dijelaskan di awal kertas ini **berkah** dimaksudkan sebagai banyak, membawa kebaikan, keamanan dan kemakmuran. Bagaimanakah Islam membawa **berkah** kepada umat manusia? Kekuatan dan kejayaan Islam membawa berkah kepada umat manusia dapat dilihat melalui perkara-perkara berikut;

i. **Pengamalan Aqidah *Ahli Sunnah Wal Jama'ah***

Aqidah Islamiah ***Ahli Sunnah Wal Jama'ah*** adalah aqidah ***wasatiyyah*** yang diamalkan oleh sebahagian besar umat Islam di dunia. Aqidah ini berasaskan al-Quran, Sunnah dan Ijmak Ulama'. Aqidah ini adalah aqidah sebenar yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat terbukti mampu menyelamatkan umat manusia daripada perkara syirik, bersikap melampau dan amalan perpecahan.

Selain daripada itu aqidah ini juga mengiktiraf amalan kerohanian Islam. Amalan kerohanian yang diamalkan melalui pengamalan ***Tasawuf Sunni*** yang dipelopori antaranya oleh Hujatul Islam Imam al-Ghazali r.a. Pengamalan ***Tasawuf Sunni*** terbukti memberi kekuatan kepada individu dan umat. Ia menjadi benteng kukuh daripada serangan musuh dalaman (syaitan) dan luaran (manusia dan lainnya). Sekiranya ia dapat diamalkan oleh umat Islam maka mereka pasti memiliki kekuatan fizikal mental dan spirituai. Aqidah ini adalah ***berkah*** kepada umat Islam khasnya dan kebajikannya juga dapat dimanfaatkan oleh manusia keseluruhannya.

ii. **Pengamalan Konsep *Rahmatan Lil `Alamin***

Islam adalah agama ***Rahmatan Lil `Alamin*** iaitu membawa Rahmat kepada seluruh alam. Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud;

“Dan tiadalah Kami mengutus kamu (Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.”

(Surah: al-Anbiyaa: 107)

Yang dimaksudkan dengan Islam ***Rahmatan Lil'amin*** adalah Islam yang kehadirannya ditengah kehidupan masyarakat mampu mewujudkan kedamaian

dan kasih sayang bagi manusia maupun alam. Sebagai agama **Rahmatan Lil Alamin** Islam mampu mendatangkan keamanan dan kedamaian untuk semua makhluk Allah samada jin, manusia, tumbuhan dan haiwan. Bagaimana ini berlaku?

Allah SWT mencipta alam ini untuk didiami oleh seluruh makhluk ciptaanNya. Bagi setiap makhluk ada sebab ia diciptakan. Ada yang dicipta untuk berfungsi sebagai khalifah. Tugas ini diamanahkan kepada manusia. Ada yang dicipta sekadar untuk beribadah kepadaNya yang ditentukan fungsi ini kepada Malaikat. Pada umumnya, walaupun seluruh makhluk ini dicipta mengikut fungsinya sendiri namun secara **sunatullah** mereka semuanya dikehendaki beribadah kepada Allah. Ini bermakna seluruh makhluk Allah pada hakikatnya adalah hidup maka di sini timbul keperluan untuk menjaga hak mereka.

Allah SWT yang mencipta seluruh makhluk di alam ini. Hanya Allah yang tahu akan hakikat peraturan yang paling sesuai untuk para makhlukNya. Maka sebab itu Allah telah menurunkan agama Islam yang amat menepati keperluan makhluk-makhlukNya. Untuk itu, Allah menurunkan hukum hakam yang wajib diikuti atau wajib dijauhi. Sebagai contoh, Allah melarang seseorang itu melakukan kerosakan di atas muka bumi ini walau atas apa alasan sekalipun. Mereka dilarang melakukan pembunuhan sesama manusia dan Allah juga melarang merosakan alam seperti tumbuhan, binatang dan lainnya.

Bagi memelihara hak manusia maka diwujudkan peraturan dan hukuman seperti hukuman bunuh balas (*Qisas*) bagi mereka yang membunuh manusia tanpa hak. Peraturan berkaitan pemeliharaan alam sekitar dapat dilihat terutamanya larangan untuk kita memusnahkan pokok dan tumbuhan ketika kita mengerjakan haji atau umrah. Bagi binatang pula disunatkan untuk menyembelihnya dengan baik seperti menajamkan pisau bagi mengelakkan

kesakitan. Di sini terbukti manusia, tumbuhan dan binatang mendapat hak yang sewajarnya daripada ajaran Islam.

iii. **Pengamalan *Syariah Islamiah***

Kehidupan seorang muslim dipandu oleh peraturan ***Syariah Islamiah***. Kehidupan seorang muslim samaada dalam aspek peribadi, keluarga, kemasyarakatan dan bernegara adalah berlandaskan *Syariah Islamiah*. Sistem hidup berteraskan syariah telah membawa kehidupan umat Islam lebih menepati dan diredhai oleh Allah SWT. Sejak kebelakangan ini, syariah telah dilaksanakan dan diterapkan dalam sistem pemerintahan di beberapa negara umat Islam.

Terbukti pembangunan Islam berteraskan prinsip syariah berjaya memberi alternatif kepada sistem kehidupan sekular masa kini yang bebas daripada prinsip ketuhanan dan hukum halal haram. Pembangunan beberapa sistem Islam seperti sistem kewangan dan perbankan Islam, industri halal, pendidikan, perundangan syariah dan lainnya telah membantu umat Islam hidup lebih sempurna dan lebih diredhai oleh Allah SWT. Kewujudan sistem kewangan dan perbankan Islam telah membebaskan orang Islam daripada *riba*. Pendidikan Islam memberi ruang orang Islam mendapat pendidikan Islam daripada peringkat rendah hingga peringkat tertinggi. Pelaksanaan perundangan syariah menjamin hak-hak peribadi, keluarga dan kehidupan masyarakat terpelihara. Manakala industri halal membolehkan umat Islam dapat makan makanan yang halal lagi bersih. Secara ringkasnya melalui *Syariah Lima* atau ***Maqasid Syariah*** iaitu menjaga agama, menjaga aqal, menjaga keturunan, menjaga harta dan kehormatan dapat dipenuhi.

iv. **Pengamalan Akhlak Islamiah.**

Akhlak Islamiah menjadikan umat Islam berbeza dengan orang bukan Islam dalam hidup mereka. Mereka menjadi contoh teladan sepanjang zaman. Dalam sejarah, Islam pernah melahirkan para pemimpin hebat yang tinggi akhlaknya. Generasi ini adalah generasi istimewa yang dikagumi dalam sejarah.

Dunia masa kini berada dalam krisis akhlak yang dahsyat. Kes-kes pembunuhan, peperangan, jenayah kolar putih sering dilaporkan dalam media masa tanpa henti. Pengaruh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat seperti laman sosial, facebook (Fb), twitter dan lain-lain telah membawa kerosakan teruk kepada kehidupan manusia. Di negara barat krisis akhlak sudah tidak dapat dikawal dan bertambah parah. Sebagai contoh perkahwinan sejenis dan seks bebas sudah dibenarkan. Institusi rumah tangga sudah tidak berperanan. Di barat dan sebahagian penduduk dunia telah musnah akibat dari runtuh akhlaknya masyarakat mereka.

Namun, di negara-negara Islam krisis akhlak masih dalam keadaan terkawal. Institusi perkahwinan masih kekal dan relevan. Kegiatan seks bebas dilarang bahkan pelakunya dikenakan hukuman berdasarkan undang-undang yang ada. Institusi keluarga masih berfungsi secara sewajarnya. Undang-undang berkaitan akhlak digubal dari masa ke semasa. Segala usaha pihak tertentu untuk mengsekularkan sistem akhlak seperti gerakan hak asasi manusia tanpa batas terus ditentang oleh masyarakat Islam dan bukan Islam. Secara umumnya ini membuktikan akhlak umat Islam yang berteraskan al-Quran dan hadith ternyata membawa umat Islam dan masyarakat amnya menghormati nilai-nilai murni yang diterima sejagat. Sekaligus ia membuktikan umat Islam yang menghayati ajaran Rasulullah SAW yang mana kerasulan Baginda adalah untuk menyempumakan akhlak telah menyelamatkan umat manusia daripada krisis akhlak yang membinasakan.

v. **Pengamalan Persaudaraan Islam (*Ukhuwah Islamiah*)**

Antara nikmat besar yang diperolehi melalui ajaran Islam ialah nikmat persaudaraan. Ini dilakukan kerana memenuhi firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (jika mereka berselisih), dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat"...

(Surah: al-Hujurat : 10)

Sesungguhnya seluruh umat Islam itu bersaudara. Persaudaraan dalam Islam adalah persaudaraan hakiki yang berteraskan tauhid dan ketaqwaan dan bukan berasaskan keturunan atau warna kulit. Melalui persaudaraan Islam inilah kita saling sayang menyayangi dan membantu. Kita menjadi kuat kerana pengamalan konsep pengamalan Islam. Masa kini, 1.7 billion umat Islam pelbagai bangsa di dunia ini sebenarnya adalah bersaudara. Walaupun mereka terpisah dengan sempadan geografi, berbeza warna kulit dan bangsa pada hakikatnya hati mereka bersatu atas nama ukhuwah Islamiah. Persaudaraan dalam Islam adalah satu nikmat yang agung.

vi. **Pembinaan Peradaban Dunia**

Antara sumbangan terbesar umat Islam ialah mereka berjaya membina pembinaan peradaban dunia. Bahkan sumbangan umat Islam dalam pembinaan peradaban ini lebih hebat dari tamadun-tamadun lain sebelumnya seperti Kristian, Hindu, Budha dan sebagainya. Peradaban Islam yang bermula daripada Jazirah Arab merentas sehingga ke Benua Eropah. Di puncak kegemilangan tamadun Islam, umat Islam telah menyumbang pelbagai disiplin ilmu yang hebat. Lebih menarik ketika barat hidup dalam zaman kegelapan

umat Islam telah membina universiti. Banyak penciptaan baru dibuat oleh para Saintis Muslim. Ramai pelajar barat telah belajar ke dunia Islam. Buku-buku karangan ilmuan Islam juga banyak diterjemah ke bahasa Eropah.

Sesungguhnya sumbangan Islam kepada peradaban dunia adalah amat besar. Ketika mengulas berkenaan sumbangan Islam kepada dunia seorang ulama bernama **Abu Hasan Ali Hassani An Nadwi** mengungkapkan “Kalau tidak kerana sumbangan umat Islam, dunia yang ada sekarang ini tidak akan jadi sehebat sekarang”.

vii. **Pembinaan Keamanan Dunia Melalui Prinsip *Wasatiyyah***

Islam bermaksud aman, damai, bahagia dan sejahtera. Antara sumbangan besar Islam kepada dunia ialah membawa keamanan sejagat. Pada zaman kegemilangan pemerintahan Islam, Islam telah membawa nikmat keamanan sejagat kepada semua kaum dan penganut agama. Antara punca kejayaan Islam mengekalkan keamanan dalam sebuah negara kerana Islam mengamalkan konsep ***wasatiyyah (kesederhanaan)*** di dalam semua bidang kehidupan. Sebagai contoh di sudut aqidah umat Islam berpegang dengan Aqidah ***Wasatiyyah*** iaitu **Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah**. Di sudut *fiqh* umat Islam beramal berdasarkan mazhab empat iaitu ***Shafie, Maliki, Hambali dan Hanafi***. Mereka juga mengamalkan ***Tasawuf Sunni*** iaitu ***Tasawuf Imam al-Ghazali***.

Atas prinsip ***wasatiyyah*** inilah, Islam menentang segala gerakan keganasan atau ***terrorism*** walau dilakukan oleh sesiapaupun terutama oleh kumpulan-kumpulan Islam. ***Terrorism*** yang dilakukan atas nama Islam sebenarnya telah memberi kesan buruk kepada agama dan umat Islam. Islam dipandang buruk dan serong. Justeru dalam politik global sekarang Islam secara tegas menentang gerakan ***terrorism*** seperti al-Qaeda, Islamic State of Syria (ISS)

yang bertindak membunuh orang Islam sesuka hati. **Wasatiyyah** adalah **manhaj** atau sistem terbaik yang ditawarkan oleh Islam untuk keamanan sejagat.

PENUTUP

Agama satu keperluan untuk manusia. Walau bagaimanapun manusia mestilah hanya mengambil Islam sebagai agama yang mesti dianuti. Ini kerana Islam adalah satu-satunya Islam yang diterima oleh Allah SWT. Islam adalah sistem hidup yang lengkap dan sempurna. Islam juga agama fitrah, agama berasaskan ketuhanan, bersifat universal, mudah dan praktikal.

Atas sifat sedemikian Islam benar-benar membawa *berkah* dalam kehidupan umat Islam. Antara sumbangan besar Islam ialah menyumbang kepada peradaban hidup manusia. Melalui Syariah Islamiah banyak sistem Islam diwujudkan seperti perundangan syariah, kewangan dan perbankan syariah, halal dan sebagainya. Islam juga telah menyumbang kepada keamanan sejagat melalui pendekatan *wasatiyyah* yang diamalkan. Menolak unsur keganasan dan mementingkan persaudaran Islamiah. Di sini terbukti, Islam benar-benar membawa *berkah* kepada umat Islam khususnya dan manusia serta dunia keseluruhannya.

Rujukan

1. Al-Qur'an Al-Karim, Tafsir Pimpinan Rahman.2014.Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.Putrajaya.
2. Abd. Moqsith Ghazali. 2009. *Argumen Pluralisme Agama*. Kata Kita, Jakarta.
3. Al Syeikh Muhammad Jamaluddin Al Qasimi Ad Dimasqi.2012. *Mutiara Ihya Ulumddin* (Terjemahan oleh Panel Penterjemah). Illusion Network.Shah Alam, Selangor.
4. Berita: Islamic state group-recruits exploits children dalam <http://news.yahoo.com/islamic-state-group-recruits-exploits-children-110950193.html> pada 24.11.2014
5. Drs. H.Achmad Gholib. 2006. *Study Islam, Pengantar Memahami Agama, al-Qur'an al-Hadits dan Sejarah Peradaban Islam*. Faza Media.
6. Mohd Farid Mohd Shahrhan,2008. *Ketuhanan Dalam Akidah Ahl Sunnah Wa Al-Jamah-Antara Tanzih dan Ithbat* di dalam Himpunan Makalah Seminar Ta'dib Islami dan lain-lain Esei Siri Penerbitan Ta'dib Islami Angkatan Belia Islam Malaysia.
7. Mohd Riduan Tee Abdullah.2014.Memahami Wasatiyyah dalam Dakwahhttp://www.dakwah.com.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=197:memahami-wasatiyyah&catid=86:topik&Itemid=357 pada 22.11.2014.
8. Mujahid Abdul Manaf.1994. *Ilmu Perbandingan Agama*. PT Raja Grafindo Persada, Jakarta.
9. Zulkifli Mohammad, Nasrudin Yunus dan Mohammad Sabri Haron.2006.Tamadun Islam dan Tamadun Asia.Pusat Pengajian Umum UKM.Bandar Baru Bangi Selangor.